IKLAN JAWATAN TIMBALAN NAIB CANSELOR
(PENYELIDIKAN DAN INOVASI)

Universiti Malaysia Terengganu (UMT) mempelawa calon-calon yang berkelayakan dan berwibawa untuk mengisi jawatan Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) Universiti Malaysia Terengganu. Maklumat jawatan tersebut adalah seperti berikut:-

Jawatan	**:**	Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)
Gred	**:**	Gred Utama B (VU6)
Taraf Lantikan	**:**	Secara Pertukaran Sementara / Peminjaman / Kontrak
Tempoh Lantikan	**:**	Tiga (3) Tahun (Tertakluk kepada keputusan Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia)
Kelayakan dan Pengalaman	**:**	Sekurang-kurangnya telah memegang Jawatan Profesor Madya

1. Kriteria Umum

a. <u>Kecemerlangan Akademik</u>

Calon mestilah mempunyai kelayakan Ph.D, mendapat *command of respect* dari kalangan rakan sejawat, mempunyai rekod cemerlang dalam penyelidikan, penerbitan jurnal berwasit antarabangsa, inovasi dalam pengajaran dan cemerlang dalam khidmat profesional.

b. <u>Pengiktirafan Antarabangsa</u>

Calon mestilah diiktiraf oleh *peers* antarabangsa sebagai pakar dalam bidangnya, mempunyai jaringan antarabangsa yang kukuh, pernah menerima pelbagai anugerah dan pengiktirafan dari organisasi terkemuka luar negara.

c. <u>Kebolehan Memimpin dan Mengurus</u>

Calon mestilah mempunyai *people skills* yang boleh meneraju transformasi, mempunyai gagasan, visi dan misi serta mampu menggerakkan komuniti kampus ke arah budaya kecemerlangan akademik. Ditambah dengan kemahiran komunikasi dan interpersonal yang mantap. Pengalaman dan rekod cemerlang pimpinan akademik merupakan antara ciri utama dalam menentukan kebolehmampuan calon.

d. <u>Reputasi</u>

Menjadi *role model* kepada semua peringkat staf, mempunyai pengalaman dan *proven track record* serta disanjung baik serta dihormati oleh masyarakat kampus dan luar.

e. <u>Personaliti</u>

Calon mestilah seorang yang berwibawa, berkarisma, bersahsiah tinggi, bersemangat kerja berpasukan serta mempunyai motivasi dalaman untuk memacu kecemerlangan universiti. Calon juga mestilah memahami aspirasi negara untuk membangunkan modal insan bermentaliti kelas pertama.

f. <u>Lain-Lain</u>

Lain-lain kriteria yang bersesuaian dengan bidang nic UMT iaitu Ilmu Kelautan dan Sumber Akuatik.

2. Kriteria Khusus

Kriteria khusus jawatan Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) berdasarkan Garis Panduan dan Kriteria Pemilihan Timbalan Naib Canselor Universiti Awam adalah seperti berikut:

a. <u>Berpengalaman Membida Projek Penyelidikan Dengan Jaya</u>

Mempunyai pengalaman dalam menjalankan penyelidikan sebagai Penyelidik Utama dan turut menjadi peneraju Universiti untuk membida dana penyelidikan dari dalam dan luar negara.

b. <u>Mahir Mensintesis Instrumen Komitmen Penyelidikan</u>

Mahir mengenai instrument komitmen penyelidikan dan menunjukkan rekod cemerlang mentransformasi penyelidikan sekurang-kurangnya di peringkat Institut, Center of Excellence (CoE) atau fakulti.

c. <u>Mempunyai Jaringan Hubungan Yang Luas</u>

Mempunyai jaringan hubugan yang luas dengan industri di peringkat serantau dan antarabangsa. Selain tanggungjawab mendapatkan projek-projek dan geran-geran penyelidikan dari sektor awam dan swasta, calon juga bertanggungjawab mempromosi dan mengkomersialkan hasil-hasil penyelidikan di dalam dan luar negara.

d. <u>Berkemampuan Dalam Menguruskan Aktiviti Berkaitan Harta Intelek</u>

Mampu menguruskan aktiviti-aktiviti yang berkaitan dengan harta intelek seperti penghasilan harta intelek dan latihan yang berkaitan. Ini adalah penting kerana pengurusan hubungan industri yang berkesan akan memberi pulangan kepada Universiti melaui perlesenan dan pengkomersialan.

e. <u>Cemerlang Dalam Penyelidikan, Penerbitan dan Urusan Pengkomersialan</u>

Mempunyai pengalaman yang luas dalam pengkomersialan produk penyelidikan, mempunyai *track record* dalam penyelidikan serta penghasilan artikel berkulit dalam jurnal berwasit agar calon mempunyai reputasi tinggi dan dihormati oleh kelompok sebaya/setaraf.

f. <u>Berpengalaman Sebagai Penyelia Yang Berjaya</u>

Mempunyai rekod yang cemerlang dalam penyeliaan pelajar pascasiswazah (Sarjana & Phd) terutamanya dalam mod penyelidikan. Ini kerana calon bertanggungjawab menentukan halatuju penyelidikan Universiti dan menerapkan budaya penyelidikan di kalangan ahli akademik dan para penyelidik.

3. Cara Memohon

Calon yang berminat boleh mengemukakan surat permohonan rasmi berserta dokumen-dokumen berikut:

a. Surat permohonan rasmi
b. Curriculum Vitae (CV) penuh mengandungi latar belakang peribadi, keluarga, alamat surat menyurat, nombor telefon untuk dihubungi, pendidikan dan kerjaya, anugerah berprestij di peringkat kebangsaan dan antarabangsa, sumbangan-sumbangan utama dan bermakna bagi pembangunan universiti dan pengajian tinggi negara;
c. Sekeping gambar terkini;
d. Borang BGA/PROFIL/CALON/TNC/UAv5; dan
e. *Key Performance Indicator* (KPI) dan ringkasan mengenai perancangan sekiranya dilantik sebagai Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa).

4. Hanya calon yang disenarai pendek sahaja akan dijemput untuk sesi temu bual. Calon yang tidak menerima apa-apa jawapan dalam masa tiga (3) bulan dari tarikh tutup iklan adalah dianggap tidak berjaya.

5. Sebarang maklumat lanjut dan pertanyaan, sila hubungi:

a. Ts. Wan Abdul Manan bin Wan Abdullah
Pendaftar
09-633 5151/5152

b. Puan Zahirah binti A. Razak
Pengarah, Jabatan Governan dan Pengurusan Perkhidmatan
09-633 4447

6. Permohonan lengkap hendaklah dialamatkan kepada:

   PENDAFTAR
   UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU
   ARAS 2, BANGUNAN CANSELORI
   21030 KUALA NERUS
   TERENGGANU
   Emel: pendaftar@umt.edu.my

7. Tarikh akhir permohonan adalah pada **14 November 2026 (Sabtu).**